

BAB 2

KONSEP DAN FUNGSI BANGUNAN TRADISIONAL

2.1 Konsep Bangunan Tradisional

Bangunan tradisional Melayu adalah bangunan yang dihasilkan oleh orang Melayu sebelum mereka menggunakan teknologi dan bahan-bahan moden.

Aziz Deraman menyatakan,

"Tradisional biasanya diertikan sebagai menggambarkan keadaan atau sifat yang ada pada sesuatu masyarakat sebelum pengaruh-pengaruh modernisasi dan tradisional ini dihubungkan dengan cara hidup masa lampau"¹

Bangunan tradisional adalah khazanah pengetahuan, kecekapan dan peralatan yang dihasilkan oleh tukang-tukang Melayu masa lampau bagi memudahkan kerja-kerja menghasilkan sesebuah bangunan. Jadi boleh dikatakan bangunan tradisional adalah bangunan yang dibina oleh orang Melayu dengan menggunakan peralatan yang dibuat oleh mereka, menggunakan bahan yang terdapat di sekitar mereka dan menggunakan teknik penyambungan sama ada secara ikat atau tanggam.

1. Aziz Deraman, 1975, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hal. 81

BAB 2

KONSEP DAN FUNGSI BANGUNAN TRADISIONAL

2.1 Konsep Bangunan Tradisional

Bangunan tradisional Melayu adalah bangunan yang dihasilkan oleh orang Melayu sebelum mereka menggunakan teknologi dan bahan-bahan moden.

Aziz Deraman menyatakan,

"Tradisional biasanya diertikan sebagai menggambarkan keadaan atau sifat yang ada pada sesuatu masyarakat sebelum pengaruh-pengaruh modernisasi dan tradisional ini dihubungkan dengan cara hidup masa lampau"¹

Bangunan tradisional adalah khazanah pengetahuan, kecekapan dan peralatan yang dihasilkan oleh tukang-tukang Melayu masa lampau bagi memudahkan kerja-kerja menghasilkan sesebuah bangunan. Jadi boleh dikatakan bangunan tradisional adalah bangunan yang dibina oleh orang Melayu dengan menggunakan peralatan yang dibuat oleh mereka, menggunakan bahan yang terdapat di sekitar mereka dan menggunakan teknik penyambungan sama ada secara ikat atau tanggam.

1. Aziz Deraman, 1975, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hal. 81

Kriteria yang perlu ada pada sesbuah bangunan tradisional ialah bangunan itu mestilah bertiang, bumbung berbentuk V terbalik, boleh dibuka, dipindah dan ditambah di segenap bahagian tanpa merosakkan struktur bangunan tersebut dan tidak menggunakan sebarang pelan dan paku.

Ciri-ciri lain yang membezakan bangunan tradisional dengan bangunan moden ialah orientasi bangunan tersebut keseluruhannya berada di dalam paksi Timur ke Barat. Selain itu, setiap bangunan pula mempunyai ruang untuk masyarakat. Bagi kebanyakan rumah tradisional mempunyai tiga ruang iaitu ruang keluarga, ruang memasak dan ruang tetamu.

Kalau dilihat sepantas lalu tidak nampak banyak perbezaan bangunan tradisional Terengganu dengan bangunan tradisional di tempat lain. Apabila diperinci didapati wujud beberapa perbezaan seperti struktur dan komponen bumbung, struktur dan komponen dinding dan struktur dan komponen tiang. Paling ketara di negeri Terengganu terdapat beberapa jenis bangunan tradisional.

Kepelbagaiannya jenis bangunan ini jelas dapat dilihat pada struktur bumbung bangunan berkenaan. Terdapat dua jenis bangunan berbumbung panjang di Terengganu. Satunya mempunyai pemelelah yang kecil yang dikenali sebagai bangunan bujang barat dan satu lagi mempunyai pemelelah yang besar yang dikenali sebagai bangunan (rumah) berpelelah.

Terdapat dua bentuk bangunan yang mempunyai perabung lima Satu dikenali dengan nama bangunan limas bungkus dan satu lagi diberi nama limas belanda atau potong belanda. Kedua-dua bangunan ini hampir sama kecuali bangunan limas belanda yang mempunyai tebar layar, buah guntung dan pemeleh di kedua-dua penjuru bangunan.

Kebanyakan atap bangunan tradisional di Terengganu juga agak berbeza dari tempat lain kecuali Kelantan. Atap yang digunakan ialah atap genting (bata) yang dibawa dari Singgora, Selatan Thailand.

Perbezaan lain yang membezakan rumah tradisional Terengganu dengan rumah tradisional di tempat lain ialah adanya ruang-ruang tambahan seperti yang terdapat pada rumah limas Belanda, yang dikenali sebagai Sorong dan Beranda.

Di dalam ruang dalam rumah pula tidak terdapat banyak bilik yang bersifat tetap. Yang ada hanyalah bilik sementara yang berupa tabir dan andang yang dipasang pada waktu malam.


Pada kebanyakan rumah tradisional Terengganu, tangga tidak dipasang terus ke ruang serambi ataupun dapur sebaliknya ia dipasang pada lambur.

Perbezaan seterusnya ialah jenis dinding. Pada rumah orang berada, mereka menggunakan dinding jenis janda berhias terutama rumah jenis tiang 12, tiang 16 dan juga rumah limas bungkus.


Berkenaan dengan penyambungan struktur dan komponen bangunan terdapat juga perbezaan sebagaimana Rajah 1,2 dan 3. Rajah 1 menunjukkan sistem penyambungan kasau, tiang dan tumpu kasau di antara ketiga-tiga negeri. Rajah 2 ialah perbezaan cara pembinaan kekuda pada rumah di Melaka, Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu. Rajah 3 menunjukkan perbezaan kekuda di antara negeri Melaka, Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu.

Bagi mencipta sesebuah bangunan, seseorang itu mesti mempunyai ilmu pengetahuan tentang senibina yang dikenali sebagai 'ilmu bangunan'. Setiap bangsa yang menuju ke arah kemajuan pasti mempunyai kepintaran ilmu bangunan sebagai bukti, betapa tingginya peradaban mereka. Kepintaran dan kebijaksanaan manusia di dalam ilmu seni bangunan telah melahirkan berbagai-bagai bentuk senibina yang berlainan fungsi, ada sebagai tempat kediaman, tempat ibadat, tempat upacara dan sebagai tempat berehat dan berteduh sementara. Antara bangunan yang dibangunkan oleh manusia, tempat kediaman adalah yang paling banyak dibina.


Rajah I: Sistem Sambungan Bumbung Pisang Sesikat



Terengganu




Melaka




Kedah

- 1 - Kasau
- 2 - Tiang
- 3 - Tumpu Kasau


Rajah 2: Cara Pembinaan Kekuda Pada Bangunan Tradisional Di Semenanjung




Rumah Melaka



Rumah Terengganu




Rumah Pulau Pinang




Rumah Kedah


Rajah 3: Bentuk-Bentuk Kekuda Bangunan Tradisional Di Semenanjung




Rumah Melaka



Rumah Pulau Pinang



Rumah Terengganu



Rumah Kedah

Sebelum kita perinci tentang senibina adalah elok kalau dipaparkan pandangan beberapa orang pengkaji tentang definisi senibina.

Bagi Louis I Kahn

'Arkitektur bererti mencipta ruang dengan cara yang benar-benar direncanakan dan difikirkan. Perubahan senibina yang berlangsung terus menerus sebenarnya berakar dari perubahan konsep ruang' ²

Bagi Evelyn Lip mendefinasikan

'Architecture is a social art. The development of architecture in any country both in the west and in the East has always been influenced by religion and social practises. Since architecture in a social art, many building built by early pioneer were shaped and expressed in accordance with their objectives in the persuit of well being and good fortune' ³

Walter Gropius pula menyatakan

'Arkitektur adalah cermin sebenar kehidupan dan perlakuan sosial sesuatu masa'

2) Louis L Kahn, 1957, 'Ruang dalam Arsitektur' Perfecta IV, revisi hal-2.3.

3) Evelyn Lip 1987 'An Aspect of Malaysia Architectual Heritage' Majalah Arkitek, hal 26.

4) Walter Gropius, 1970, Scope of the Total Architecture, New York, Harper & Brother, hal 66.

Pier Iuigi Nervi berpendapat

'Senibina adalah disiplin yang pernah didefinisikan sebagai seni dan sains membina bangunan yang berpatutan dari segi ketahanan (durability) keindahan (beauty) dan kesederhanaan (economy) bagi mengisi fungsi-fungsi tertentu'⁵

Menurut Abd. Hakim dan Wan Min

'bangunan merupakan susunan lantai yang menanggung beban dan disokong oleh kerangka atau dinding galas beban'.⁶

Dalam kajian ini tumpuan diberikan kepada bangunan tradisional iaitu rumah, masjid, surau dan wakaf yang terdapat di Terengganu.

Kalau diperhatikan secara sepantas lalu senibina merupakan bangunan yang ada atap, lantai dan tiang, sesetengahnya ada dinding dan tangga. Walau bagaimanapun, kalau diperhatikan secara mendalam kita dapati senibina mencerminkan kebudayaan, tamadun, kehidupan, emosi dan falsafah hidup satu-satu bangsa dan negara. Malahan, pembinaannya juga banyak melibatkan unsur-unsur kebudayaan seperti tingkah laku, pengetahuan, kemahiran, teknologi, kesenian, sistem sosial, ekonomi, politik, keperibadian individu, nilai, etos, kepercayaan dan institusi sosial.

5) Pier Iuigi Nervi 1979 '*Senibina dan Keperluan Manusia Zaman Ini*' Dewan Budaya Jilid 1, Bil 6, hal 31.

6) Abd. Hakim bin Mohamad dan Wan Min Bin Wan Mat. 1991 - *Teknologi Penyenggaraan Bangunan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 14.

Dari kacamata Islam, senibina adalah manifestasi dari konsep kepercayaan dan ideal kehidupan Islam.

2.2 Konsep dan Fungsi Rumah Tradisional

Rumah didefinisikan sebagai tempat tinggal buatan manusia. Rumah juga merupakan salah satu keperluan manusia yang paling utama selain makanan dan pakaian.

F. Engels yang mengasas teori dialektiknya menyatakan

'Mankind most first of all eat and drink, have shelter and clothing, before it can pursue politic, science, religions, art',

Secara lebih jelas lagi, rumah merupakan tempat kediaman yang dibina dan didiami manusia dalam sesuatu tempoh yang lebih kekal.

Rumah Melayu tradisional kalau dipandang sepintas lalu merupakan tempat berlindung tetapi kalau dikaji dari berbagai-bagai sudut ia mempunyai pengertian yang berbagai-bagai. Bagi masyarakat Melayu, rumah adalah penempatan sebuah karya seni rupa Melayu yang tidak dapat diasingkan dari faktor-faktor falsafah, tamadun dan minda.

7) E.R. Services 1971, *Cultural evolution Theory in Practice*, N.York, Holt, Rinehart and Winston, hal. 16.

Bangunan melambangkan jatidiri budaya nenek moyang. Ia mencerminkan corak organisasi sosial, perkembangan, kepentingan kelompak atau individu. Kenyataan ini diperjelaskan oleh Amos Rapoport,

'The house in an institution, not just a structure created for a complex set of purposes because building a house is a cultural phenomena, its form and organisation are greatly influenced by the cultural millieu to which it belongs'⁸

Bagi Mokhtar Ismail,

'Rumah bukan keperluan perlindungan sahaja tetapi ianya mempunyai perhubungan penting dengan psikologi manusia, sosialisasi masyarakatnya, kehendak-kehendak pribadi, agama, adat istiadat dan sebagainya'⁹

Oleh sebab itulah Glenn H Beyer mengesyorkan rumah dijadikan suatu objek kajian kerana,

'Rumah adalah kebudayaan benda yang paling penting di dalam penyelidikan mengenai aspek-aspek sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat'¹⁰

Konsep dan fungsi rumah juga boleh dilihat dari beberapa sudut, iaitu fizikal dan sosial.

8) Amos Rapoport. 1969, *House form and culture*, New Jersey, Prentice Hall Inc. hal-46.8.

9) Mokhtar Haji Ismail, 1992, *Rumah Tradisional Melayu Melaka*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, hal-31.

Fizikal

Secara fizikalnya rumah merupakan tempat perlindungan daripada hujan dan panas serta binatang buas dan binatang yang merayap. Selain itu, rumah juga merupakan sebagai tempat di mana manusia menjalani proses biologi dan sosial yang diperlukan dalam kehidupan.

Ismail Embong mengibaratkan rumah;

'Sebagai sarang asas, memelihara keluarga, tempat pulang selepas meramu mencari nafkah, tempat rehat tubuh badan selepas penat bekerja, ia sebagai tempat manusia membiak dan memelihara anak sehingga dewasa dan mampu berdikari dan bina rumah' 11

Selain itu, rumah juga adalah sebagai tempat aktiviti individu berlangsung seperti lahir, hidup dan mati.

10) Glenn H. Beyer, 1959, *Housing and Personal Value*, Ithaca, Cornell University Press, hal I

11) Ismail Embong, 1993, *Senibina Rumah Melayu Melaka*, Kertas Kerja Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia, hal.-9
Fungsi penggunaan - sebagai tempat individu dan masyarakat menjalankan aktiviti seperti duduk, tidur, masak, makan, menerima tetamu dan sebagainya.

Sosial

Rumah tradisional menggambarkan bentuk dan gaya hidup serta status penghuninya sebagaimana kata Cunningham;

'The structure of the house, shows that its layout reflects, a set of ideas about the universe, organised around cardinal points and east-west way the sun. Opposed categories such as inner/outer, high/low, front/back and right/left are used to embody statements about the relationships of those who live in the house'¹²

Bentuk-bentuk rumah juga menggambarkan pandangan hidup (world view) masyarakat itu terhadap alam sekelilingnya, menurut Roxana Waterson

'Human beings use built form as one means of creating for themselves a sense of place and as such the forms reflect the world views of their creator'¹³

Jenis-jenis dan bentuk-bentuk rumah merupakan lambang status, pangkat dan kedudukan ekonomi penghuninya. Malahan, rumah tidak sahaja dijadikan tempat tinggal malah kadangkala dijadikan pusat upacara untuk kaum kerabatnya. Oleh sebab itu, setiap upacara yang diadakan dapat menunjukkan kepada umum taraf/kedudukan sesuatu keluarga itu dalam masyarakat.

12) Cunningham,C,1964, '*Order in the Atoni House*', Bijdragen tot de Tael-Land-en Volkenkunde, hal. 34.

13) Roxana Waterson, 1990, '*The Living House*', New York, Oxford University Press, hal. 91

Rumah tradisional melambangkan cara hidup masyarakat, sebagai contohnya dalam masyarakat Melayu terdapat ruang-ruang tertentu di dalam rumah dan ruang-ruang ini dibahagikan kepada golongan-golongan tertentu sama ada berdasarkan fungsi, keagamaan mahupun adat. Fenomenon ini juga mencerminkan pertalian sesuatu kepercayaan dan keperluan sosial serta adat. Contohnya, rumah tradisional Melayu keseluruhannya berorientasikan timur-barat yang menunjukkan penghuninya beragama Islam kerana ini menunjukkan arah beribadat bagi umat Islam.

Dalam kehidupan seseorang, banyak masa dihabiskan di rumah. Seseorang itu akan berasa aman, tenteram dan harmoni apabila berada di dalam rumahnya. Rumah juga merupakan tempat di mana seseorang itu diasuh, mengasuh, dikasihi dan mengasihi di samping sebagai tempat mendapat ketenteraman jiwa. Begitu juga dari segi kawalan, hidup lebih bebas di luar, tetapi ketat di rumah.

Dari segi ruang, rumah tradisional bersifat lewes (mudah ubah) mengikut masa dan keperluan. Ruang-ruang ini menjadi pemisah sama ada di antara jantina, umur, status, pemilik dan tetamu.

Keluwesan ini bukan sahaja kepada rumah, malahan keseluruhan struktur rumah sebagaimana penjelasan Lim.

'Rumah Melayu tradisional yang bersistem iaitu komponen rumah dibuat dan dipasang di atas tapak binaan dan bahagian rumah boleh diceraikan, dialehh, dibina semula atas tapak yang lain' ¹⁴

Dari kacamata Islam, rumah adalah sebuah kerajaan kecil. Di dalam sesebuah rumah, terdapat seorang pemimpin, iaitu bapa dan ahli keluarganya sebagai rakyat. Kita juga dapati bahawa sistem sesebuah keluarga Islam bermula dari sebuah rumah dan beberapa keluarga pula merupakan komponen sesebuah penempatan. Penempatan itu akan menjadi komponen yang lebih besar sehinggalah kepada daerah, negeri dan negara.

Dalam usaha menerap dan mempraktikkan perundangan Islam, rumah merupakan tempat pertama diperkenalkan. Bermula dari rumah segala peraturan Islam diajar dan diserapkan kepada kanak-kanak semenjak dilahirkan sebagai contoh menjaga kebersihan. Islam mementingkan kebersihan dan dalam satu hadis ada menyatakan 'Kebersihan adalah sebahagian daripada Iman'

14) Lim Jee Yuan, 1987, *The Malay House, Shelter System*, Penang, Institut Masyarakat, hal. 37.

Rumah juga merupakan tempat beribadat. Sebagaimana yang terkandung di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Omar, sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "lakukan sebahagian sembahyang di rumah kamu dan janganjadikan rumah kamu sebagai kubur". Oleh itu, Islam menggalakkan penganutnya apabila membina sesbuah bangunan, ciri-ciri kebersihan dan keselesaan adalah penting. Hal ini lebih jelas lagi apabila Islam menyarankan penganutnya supaya membersihkan diri dan memakai pakaian bersih apabila hendak beribadat.

Jadi, ciri-ciri senibina Islam mestilah mempunyai kemasukan cahaya asli yang maksimum supaya terang dan peredaran udara yang baik supaya penghuninya berada dalam keadaan baik dan selesa, terutama sekali waktu beribadat.

Atas dasar kebersihan yang diamalkan, kita dapati kebanyakan rumah Melayu adalah bersih dan ini diakui oleh Judith Djamour dalam kajiannya di Singapura.

'The interior of the average Malay house was neat and tidy, the floor swept several times a day and every member showed interest in the general appearance'.¹⁵

Dalam Islam ciri-ciri rumah mestilah bersifat terbuka, terutama sekali terhadap jiran kerana Islam mementingkan hubungan persaudaraan.

¹⁵⁾ Judith Djamour, 1965, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, London, The Anthlone Press, hal. 52.

Oleh sebab itulah di dalam Islam, apabila diadakan kenduri kendara jiran-jiran yang berada dalam jarak 40 buah rumah sekeliling mestilah dijemput. Hal ini terbukti dalam masyarakat tradisi, kawasan rumah tidak berpagar dan kalau adapun pagarnya tidak tinggi dan bercorak sementara. Selain itu, ruang-ruang dalam rumah juga terdapat ruang-ruang umum, tetamu atau publik.

Bangunan bukan sahaja sebagai alat gunaan semata-mata tetapi juga sebagai peralatan simbolik. Analisis ini adalah berdasarkan pendapat bahawa fungsi tukang pembina tradisi itu adalah sebagai 'Symbol-giver'¹⁶. Kenyataan ini dijelaskan lagi oleh Roxana Waterson,

'Architecture involves not just the provision of shelter from the elements, but the creation of social and symbolic space - and space which both mirrors and moulds the world view of its creators and inhabitants'¹⁷

16) Paul Oliver 'Introduction' dalam Paul Oliver (ed) 1975 *Shelter, sign & Symbol*, London, Barrie and Jenkins, hal. 12.

17) Roxana Waterson, *Opcit*, hal. xv

2.3 Konsep Masjid

Masjid ialah bangunan yang didirikan oleh orang Islam sebagai tempat untuk melakukan amal ibadat kepada Allah S.W.T atau juga dikatakan "Rumah Allah". Justeru itu, sesuatu kedudukan dan pembahagian ruang sesebuah masjid, apa jua bentuk senibina dan latar belakang sosio-budaya harus dapat memenuhi kehendak Islam. Dari segi konsepnya masjid mempunyai kaitan dan hubungan dengan akidah keislaman, iaitu menyembah Tuhan yang Esa.

Masjid juga merupakan pusat pengajaran berkaitan dengan Islam, malahan menjadi lambang kepada Syiar Islam. Dalam Islam masjid merupakan senibina yang paling penting sebagai pusat segala kegiatan. Oleh sebab itu, masjid ditakrifkan sebagai akar umbi kepada senibina Islam. Kepentingan masjid ini banyak dinyatakan dalam Al Quran dan Al Hadis, antaranya:

'Sesungguhnya Allah S.W.T memelihara akan masjid dari bangunan-bangunan lain kerana ia adalah salah satu tempat yang menyatukan umat tidak kira jenis kaum dan keturunan, bersama-sama tunduk dan memuja Allah'

Dari segi bahasanya, masjid adalah perkataan Arab yang bererti sujud dan sujud pula berasal dari perkataan sejadah.¹⁸ Dari sudut bahasa, masjid bermaksud tempat sujud, masa sujud, anggota sujud dan sujud. Masjid di atas wazan maafil مفعول erteinya tempat sujud. Masjid di atas wazan maafal - مفعول bererti dahi yang mengenai tempat sujud. Masjid di atas wazan mif'al مفعول bererti tikar yang kecil digunakan untuk tempat sujud.¹⁹

Peranan dan Fungsi Masjid

Masjid yang didirikan di dalamnya sembahyang lima waktu serta sembahyang Jumaat dikenali sebagai Masjid Jamek. Masjid yang didirikan di dalamnya sembahyang berjemaah waktu sahaja, dipanggil surau, langgar, balaisah atau musalla dan orang Pahang ada juga menyebut wakaf.

Masjid pada dasarnya berfungsi sebagai tempat mengingati Allah S.W.T., sebagai tempat mengerjakan ibadat kepada Allah dan asas ibadat ialah sembahyang yang merupakan tiang agama. Oleh sebab itu, orientasi bangunan ini mestilah menuju kiblat.

18) A. Halim Nasir, *Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur, Berita Publishing 1984 - hal 7

19) Haji Mohamad Zubir Hj. Awang, 1996 *Pengimaranan Masjid*, Kuala Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Terengganu, hal 1.

wakaf kerana ianya diwakafkan oleh pihak yang mendirikannya.

Masyarakat Melayu menganggap semua urusan ibadat perlu disempurnakan di masjid tetapi kehidupan di dunia mempunyai kaitan yang rapat dengan akhirat. Masjid merupakan pusat perkembangan rohani dan kehidupan sosial masyarakat Islam dan menjadi pusat pengajian Islam. Ia dijadikan pusat atau tempat perbincangan berhubung masalah yang dihadapi oleh masyarakat.

Pada kacamata Islam, masjid tidak boleh dianggap sebagai tempat ibadat semata-mata, sebaliknya sebagai pusat kegiatan agama, pengembangan tarbiah dan pembangunan ummah.

Masjid adalah sebagai pusat kegiatan ibadat secara khusus iaitu sembahyang dan iktikaf dan masjid juga sebagai pusat pendidikan dan pengajaran khusus bidang keagamaan dan dakwah. Masjid juga sebagai pusat pembangunan kebudayaan Islam seperti latihan Maulud Rasul dan sambutan hari kebesaran Islam.

Berkaitan dengan kelebihan masjid sebagai tempat sembahyang, Rasulullah pernah bersabda,

Bermaksud, 'sebaik-baik tempat ialah masjid dan seburuk-buruk tempat ialah pasar'

(Riwayat Al-Tabrani)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Al-Tabrani,

yang bermaksud 'masjid itu adalah rumah kepada setiap orang yang bertakwa kepada Allah'

Fungsi Masjid di Zaman Rasulullah

Setelah berhijrah ke Madinah, Rasulullah telah mendirikan rumah dan juga masjidnya yang menjadi pusat kegiatan ibadah masyarakat Islam waktu itu. Berbagai-bagai perancangan pembangunan masyarakat Islam dalam segala aspek kehidupan dilaksanakan di masjid itu.

Masjid juga berperanan sebagai dewan menyambut delegasi muslim dan bukan muslim, tempat musyawarah Rasulullah dan para sahabat, pusat pendidikan formal dan tidak formal, tempat kebajikan umat Islam yang miskin untuk tinggal, serta pusat pembahagian sedekah, tempat penghakiman dan hukuman dan juga tempat perjumpaan dan interaksi sosial di kalangan Muhajirin dan Ansar.²⁰

20. Mohamad Tajuddin bin Mohamad Rasdi, *Konsep dan Fungsi Masjid di dalam Al-Hadith: Suatu Pengajaran bagi Pembangunan Masjid Masa Kini*hal - 16.

Masjid sebagai tempat menyelesaikan pinjaman dan sebagainya sebagaimana diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah;

Saya pergi bertemu Rasulullah semasa Baginda berada di masjid. Baginda menyuruh saya mengerjakan solat dua rakaat, selepas itu Baginda membayar hutangnya kepadaku dan memberi lebihan wang sedikit kepadaku.

(sahih Al-Bukhari)

Pada zaman Rasulullah, masjid pernah juga dijadikan sebagai tempat untuk berahat serta berteduh sebagaimana satu hadith;

Abbad bin Tamin meriwayatkan dari pakciknya bahawa dia pernah melihat Rasulullah baring di masjid sambil meletakkan kakinya ke atas kaki yang lain.

(Sunan Abu Dawud)

Seorang lelaki daripada Bani Amir melaporkan bahawa Abu Dharr pernah bercerita:

Aku pergi berjumpa Rasulullah pada waktu tengahari, Baginda sedang berteduh sambil berahat-rehat di masjid bersama sekumpulan daripada para sahabat

(Sunan Abu Dawud)

Masjid juga berfungsi sebagai tempat penghakiman dan menjalankan hukuman sebagaimana hadith ini;

Abu Huraira menceritakan: Orang-orang Islam telah menangkap seorang lelaki dari Bani Hanifa, mereka mengikatnya pada salah satu dari tiang masjid. Nabi menyoalnya selama tiga hari tetapi banduan itu berdegil. Akhir sekali, Nabi membebaskannya. Lelaki itu kemudiannya memeluk Islam.

(Sahih Muslim)

Masjid sebagai tempat pertabalan pemerintah, perlantikan Abu Bakar sebagai khalifah pertama dibuat di masjid Rasulullah.

Pada masyarakat Terengganu, masjid dan surau digunakan sebagai tempat mengerjakan sembahyang Jumaat dan jemaah, mengajar Al-Quran, membaca Al-Quran semasa bulan puasa, membaca kitab, mengajar marhaban, membayar dan membahagi zakat fitrah. Kadangkala masjid digunakan untuk mengadakan tahlil arwah bagi mereka yang mempunyai rumah yang kecil. Acara lain yang diadakan di masjid ialah majlis akad nikah, sembahyang jenazah dan syarahan berkaitan agama. Selain daripada itu, mesyuarat kebajikan dan khairat kematian turut dilakukan di masjid dan surau.

Kebanyakan masjid dan surau di Terengganu berbentuk empat persegi sama atau tidak sama. Terdapat juga masjid dan surau bumbung berlapis sebagai contoh surau Kampung Tuan di Kemaman yang mempunyai bumbung empat lapis.

Dari segi bangunan, masjid merupakan bangunan yang paling penting dalam Islam dan menjadi lambang kebudayaan berasaskan Islam. Memandangkan masjid sebagai tempat beribadat maka penyusunan ruang sangat dititikberatkan.

Pada keseluruhannya sebuah masjid atau surau mesti mempunyai dua ruang utama, iaitu ruang untuk imam dan ruang untuk makmum. Ruang makmum pula terbahagi kepada dua; satu untuk lelaki dan satu lagi untuk perempuan. Setiap masjid mesti mempunyai ruang untuk bersembahyang yang boleh memuatkan sekurang-kurangnya empat puluh orang jumaah.

Selain ruang sembahyang, di masjid juga terdapat ruang tambahan, iaitu mihrab yang menandakan arah kiblat. Ruang mihrab ini selalunya dijadikan tempat imam mengimamkan sembahyang dan juga tempat letak mimbar masjid. Elemen-elemen lain yang ada pada sesetengah masjid ialah tempat berwudhu', mimbar dan menara. Terdapat juga sesetengah masjid tradisional mempunyai ruang serambi yang dikhaskan untuk musafir tidur dan dijadikan tempat mengajar muqaddam.

2.4 Konsep Wakaf

Dari segi konsep umum, wakaf merupakan senibina yang melambangkan kebajikan di dalam Islam. Wakaf ada kaitan dengan perbuatan menderma atau bersedekah kepada umum yang berupa pondok, tanah atau apa sahaja. Dalam konteks senibina, wakaf merupakan bangunan yang didirikan untuk kegunaan orang ramai dan musafir.

Konsep menderma adalah sesuatu yang dituntut dalam Islam sebagaimana Hadith Rasulullah S.A.W;

'Orang dermawan itu dekat dengan Allah, dekat dengan manusia, dekat dengan syurga dan jauh dari neraka. Orang bakhil jauh dari Allah, jauh dari manusia, jauh dari syurga dan dekat dengan neraka. Sedangkan orang bodoh yang dermawan lebih dicintai Allah daripada ahli ibadah yang bakhil'

Bagi mereka yang berada, masing-masing berlumba-lumba untuk membuat amal kebajikan, dan salah satu caranya ialah membina wakaf. Islam sangat menggalakkan amalan bersedekah jariah sebagaimana firma Allah S.W.

'Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah) maka pahalanya itu adalah untuk kamu sendiri dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredhaan Allah, dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan nescaya kamu akan diberi pahala dengan cukup, sedangkan kamu sedikit pun tidak dianaya'

(Al-Baqarah - 272)

Dilihat dari segi struktur, wakaf mempunyai struktur yang mudah dan ringkas. Wakaf memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu silam. Pada masa sekarang wakaf masih popular di Terengganu dan dibina di merata tempat.

Kebiasaannya, wakaf ini dibina di persimpangan jalan, dekat dengan masjid, tebing sungai biasanya di pengkalan, kawasan kubur dan di kawasan sawah padi yang luas. Berhampiran wakaf biasanya dibina sebuah perigi.

Fungsi Wakaf

Dari segi fungsinya, wakaf dibina bertujuan sebagai tempat berteduh dan berhenti rehat malahan bermalam bagi musafir dan juga orang-orang kampung. Pada masa dahulu, pergerakan seseorang dari satu tempat ke tempat yang lain hanyalah dengan berjalan kaki dan jarak perjalanan adalah jauh dan memakan masa yang panjang untuk sampai ke destinasi. Untuk melepaskan penat, bermalam dan beribadat semasa dalam perjalanan, maka tempat berehat diperlukan. Adanya wakaf-wakaf yang dibina dapat memberikan kemudahan kepada musafir melepaskan penat lelah dan sebagai tempat untuk mereka beribadat dan bermalam.

Bagi masyarakat kampung pula, wakaf digunakan sebagai tempat beristirehat, terutama pada waktu petang, selepas penat bekerja. Begitu juga wakaf yang terletak di sawah padi merupakan tempat berteduh dan berseambahyang pada waktu tengahari, semasa bekerja di bendang atau sawah padi.

Wakaf yang terletak di atas kuburan pula digunakan untuk orang ramai berteduh sewaktu jenazah dibawa ke kubur dan juga dijadikan tempat meletak makanan sewaktu acara gotong royong membersih kubur diadakan.

2.5 Bentuk-Bentuk Bangunan Tradisional di Semenanjung Tanah Melayu

Setiap bangsa di dunia ini mempunyai bentuk senibinanya tersendiri yang menggambarkan citra dan jatidiri bangsa berkenaan. Begitu juga dengan bangsa Melayu yang terdiri daripada berbagai suku, sudah tentu mempunyai berbagai bentuk senibina.

Bentuk senibina yang terawal tidak dapat dipastikan, cuma anggapan boleh dibuat berdasarkan senibina yang paling ringkas yang dimiliki orang Melayu ialah rumah berpanggung yang mempunyai bumbung lipat kajang berbentuk V terbalik. Bentuk senibina itu dikenali sebagai 'teratak' atau 'dangau' berbentuk gajah menyusu ataupun sebuah rumah asas yang dikenali sebagai 'rumah bujang'.

Kedatangan pengaruh kebudayaan serantau ke negeri ini seperti Aceh, Minangkabau, Riau, Bugis, Banjar, Jawa dan Patani telah menyemarakkan pertumbuhan berbagai bentuk senibina. Negeri Sembilan misalnya sebagai sebuah negeri yang kebanyakannya penduduknya berasal dari Minangkabau mempunyai senibina berbentuk Minang.

Bagi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, bentuk senibina di kawasan ini berbentuk bumbung panjang. Bentuk senibina di Kelantan dan Terengganu pula berbentuk tiang enam, dua belas dan berpeleh yang dikatakan berasal dari Patani. Sebenarnya pengaruh Patani bukan tersebar di Kelantan dan Terengganu sahaja, tetapi juga di negeri yang bersempadan seperti Kedah, Perlis dan Perak.

Di negeri Melaka, bentuk senibinanya berbumbung panjang dengan tambahan unsur-unsur luar seperti penggunaan jubin pada tangga. Kelainan dapat dilihat pada bentuk bumbung senibina Melaka yang menampakkan unsur-unsur Bugis, Jambi, Riau dan Minangkabau.

Kedatangan pengaruh Barat terutamanya Belanda dan Inggeris telah memperkenalkan bentuk bumbung yang baru dalam senibina tempatan. Bentuk bumbung baru yang diperkenalkan ialah bumbung limas atau perabung lima. Bentuk ini banyak terdapat di negeri Perak, Johor, Kelantan dan Terengganu. Bagi negeri Terengganu, senibina ini dikenali dengan nama "limas bungkus" kerana di bahagian bumbung tidak kedapatan ruang terbuka.

Selain itu, bentuk senibina terakhir terdapat di Perak ialah rumah limas yang dikenali sebagai rumah potong Perak dan di negeri Terengganu ia dikenali sebagai rumah potong Belanda atau Limas Belanda.


Secara keseluruhan dapat dinyatakan bahawa bentuk-bentuk senibina yang terdapat di Semenanjung ada hubungkait dengan sejarah asal-usul kelompok berkenaan. Sebelum kedatangan pengaruh Barat, didapati bentuk senibina di Semenanjung Malaysia dipengaruhi oleh dua budaya, iaitu budaya Patani di utara dan budaya Srivijaya di selatan sebagaimana penjelasan berikut:

'Bentuk-bentuk senibina di Tanah Melayu dipengaruhi oleh dua budaya. Di bahagian Utara Semenanjung menerima pengaruh dari Patani, terutama Kedah, Kelantan dan Terengganu. Di bahagian Barat Semenanjung senibina dipengaruhi oleh budaya Srivijaya yang bertapak di Sumatra'.²¹

Walaupun bentuk-bentuk senibina ini secara keseluruhan berbentuk bumbung panjang dan limas, tetapi telah diubahsuai bagi melahirkan suatu citra dan jatidiri yang tersendiri. Oleh sebab itu, didapati setiap negeri mempunyai bentuk dan gaya senibina tersendiri yang menyatakan jatidiri dan imejnya. (Peta 2 dan gambarajah 4, 5 dan 6)

21. Vlatseas. S, 1990, *A History of Malaysia Architecture*, Singapore, Longman, hal - 9.


Peta 2: Bentuk-Bentuk Bangunan Yang Terdapat Di Semenanjung Malaysia



Sumber:

Lim Gee Yuan : THE MALAY HOUSE, Rediscovering
Malaysia's Indigenous Shelter
System, Institut Masyarakat,
Pulan Pinang, 1987. hal 27.


Rajah 4: Jenis-Jenis Rumah Tradisional Di Semenanjung



Rumah Bumbung Panjang Perak




Rumah Bumbung Panjang Perlis



Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan


Rajah 5: Jenis-Jenis Rumah Tradisional



Rumah Limas Bungkus Terengganu



Rumah Limas Belanda Terengganu



Rumah Berpeleh Tiang 12 atau 16

Rajah 6: Jenis-Jenis Rumah Tradisional



Rumah Limas Johor



Rumah Bumbung Panjang Pahang



Rumah Bujang Berkembar Terengganu

2.6 Struktur Penempatan Awal Di Terengganu

Berdasarkan catatan dan laporan daripada beberapa orang pelawat di Terengganu dapat memberi gambaran tentang keadaan dan bentuk penempatan dan senibina yang terdapat di Terengganu, terutama di Kuala Terengganu. Laporan terawal oleh Alexander Hamilton, salah seorang pedagang Inggeris yang singgah di Kuala Terengganu pada akhir tahun 1719 menerangkan:

'There may be about one thousand house in it, not built in regular streets, but scattered in ten or twenty in a place distant a little way from another villa of the same magnitude'. 22

Penemuan lain tentang struktur penepatan dan bentuk senibina yang terdapat di Kuala Terengganu dibuat oleh Kapten Labe,

'The town is badly built with rough wooden huts some with tiled roofs, other with roof and house covered with cocunut leaves, they are raised on piles 8 or 9 feet high, there are bamboo ledgers to climb up. The king's palace is the same thing, there is just one small brick house which serves as a powder store in the sama enclosure, the whole enclosed by a kind of publisade of heavy planks so feet high which have almost all falleu over because of lack of attention. There are three bazaars, one for the Malays, another for the Siamese and the largest for the Chinese. The street is a pleasant are their house better built then the other'. 23

22) Sir William Fister, 1930 (ed), *A New Account of the East Indies* by Alexander Hamilton, London, The Argonaut Press, hal 81-82.

23) John Dunmor (tr) 1973, French Visitor to Terengganu in the 18th Century' JMBRAS, Vol XLVI, Pt 1, hal 147.

Leftenan Poltier Del'Home pula membuat deskripsi bandar Kuala Terengganu seperti berikut:

'Trangganu is fairly large and very popular place, but the house have a repulsive appearance they are made of wood and thatched with palm tree leaves. There is no orderlines in the way they are arranged or built'.²⁴

Berdasarkan laporan Hugh Clifford pada tahun 1895 penduduk Terengganu seramai 100,000 orang dan seramai 45,000 orang menduduki di kawasan lembah Terengganu.²⁵ Sistem perhubungan yang penting di Terengganu dalam abad ke 19 ialah sungai dan pesisir pantai. Oleh sebab itu, rumah-rumah di kawasan pendalaman didirikan berhampiran sungai, manakala di kawasan pinggir pantai pula, rumah-rumah didirikan berhampiran dengan pantai.²⁶

Earl pada tahun 1833 turut memberi gambaran keadaan bandar Kuala Terengganu ketika itu, di mana kedudukan bangunan tidak teratur dan dibina secara sesuka hati.

'The town consists of a large group of hurts, composed of wood and thatch, heaped together without any order or regularity'.²⁷

24) *Ibid* hal 152

25) Hugh Clifford, 1949, '*Expedition to Terengganu and Kelantan*', *JMBRAS*, Vol.22 part III, hal 89.

26) Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1984, *Keadaan Politik dan Sosio Ekonomi Terengganu Pada Kurun Ke 19*, dalam *Terengganu Dahulu dan Sekarang*, disunting oleh Abdullah Zakaria Ghazali, Kuala Lumpur, PMM., hal 39.

27) G.W. Earl, 1971, *The Eastern Seas*, oxford in Asia Historical Reprints Kuala Lumpur, hal 184.

Gambaran yang sama juga diberikan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi semasa lawatannya ke Terengganu pada tahun 1828 seperti berikut:

...Rumah-rumah mereka itu sekalian congkah-mangkah dengan tiada teratur dan tiada sama, masing-masing punya suka dan pagarnya bengkang-bengkang. 28

Disamping itu kedudukan rumah-rumah ini tidak sama, ada yang mengiring jalan dan ada pula yang berhadapan dengan jalan. 29

Abdullah Zakaria (1984) menyatakan,

Kedudukan dan keadaan rumah yang sebegini rupa (abad ke-19) disebabkan penduduk-penduduk lebih tertumpu ke kawasan muara sungai kerana disini lebih mudah untuk mencari nafkah hidup. 30

Skeat pula menyatakan rumah-rumah Terengganu pada abad ke 19 seperti berikut:

'We also saw a few wooden lamp-posts which must at the true of our visit. Passing through the kampungs we found that the gable ends of the palm-thatched house were decorated with many different designs. Windows, rarely. Plain openings, were for the most part barred. Some were diamond-shaped, other had alternate piece omitted in the bamboo plaiting and these made up the design'. 31

28) Abdullah bin Kadir Munshi, 1928, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Singapore, Malayan Publishing House Ltd. hal 31.

29) *Ibid*, hal 32.

30) Abdullah Zakaria Ghazali - *Opcit*, hal 39.

31) W.W. Skeat, 1953, The Cambridge University, Expedition to the North-Eastern Malay States and tu Upper Perak 1899-1900iv, dalam *JMBRAS*, vol. 26, Part iv, hal 122.

Dalam pada itu terdapat juga rumah-rumah yang cantik dan dilingungi pagar. Rumah-rumah ini dimiliki oleh sultan dan pembesar-pembesar. Bahan-bahan buatan daripada bahan yang kuat seperti batu bata, papan dan dikelilingi oleh pagar buluh dan terdapat melela (meriam kecil dari tembaga) di hadapan rumah masing-masing. ³²

Pada tahun 1882, suatu kebakaran besar telah berlaku di bandar Kuala Terengganu yang telah memusnahkan bukti bentuk-bentuk senibina yang terdapat ketika itu. Peristiwa tersebut dikenali sebagai peristiwa 'Api Pecah Gedung' yang telah memusnahkan lebih 1,000 buah rumah termasuk sebuah istana lima tingkat. Selain itu, kebanyakan senibina Melayu diperbuat daripada kayu dan beratapkan daun yang tidak dapat bertahan lama. Jadi untuk melihat dan mengkaji sejarah dan reka bentuk senibina Melayu tradisional sudah tentu menyulitkan.

³²⁾ G.W. Earl, *Opcit* - hal 184.

2.7 Adat Istiadat Mendirikan Bangunan

Adat mendirikan bangunan berhubung erat dengan sistem kepercayaan yang telah diwarisi sejak turun temurun. Kata-kata 'adat' berasal dari Bahasa Arab yang bererti kebiasaan. Pendapat lain mengatakan bahawa adat sebenarnya berasal dari bahasa Sankreta "a" (bererti "hukum") dan "dato" (yang ertinya sifat kebendaan). Dengan demikian, maka adat sebenarnya bersifat *immaterial*, ertinya menyangkut hal-hal yang berkaitan dengan sistem kepercayaan.³³

Menurut *Kamus Dewan* (1989) edisi baru,

'Adat ialah peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesbuah masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi). Istiadat ialah berbagai-bagi adat (peraturan) yang dituruti'.³⁴

Adat istiadat, memainkan peranan yang penting dalam mengatur aktiviti kehidupan seseorang dan sesuatu yang dilakukan mestilah berlandaskan adat istiadat sehingga ada sesetengah masyarakat yang berpegang teguh kepada kata-kata: "Biar mati anak jangan mati adat".³⁵

33) Soekanto SH. MA dan Soleman bin Teneko SH, 1981, "Hukum Adat Istiadat Indonesia", Rajawali Press, Jakarta, hal-85.

34) *Kamus Dewan Edisi Baru*, 1989, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal-7.

35) Sahul Hamid Mohd Hanafiah, *Istana Tg. Long Kampung Raja Besut Terengganu*, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, hal - 24.

Masyarakat Melayu tradisi menghubungkan adat istiadat dengan sistem kepercayaan warisan sejak turun temurun. Mereka meletakkan adat dalam proses interaksi di antara manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Sebagai contoh, adat dan pantang larang yang oleh penanam padi ialah apabila berada dalam baloh (rumah padi) tidak boleh bersuara lantang, kerana dipercayai rezeki akan pergi bersama semangat padi. Kaum nelayan pula mengadakan upacara semah pantai bertujuan memberi makan semangat laut supaya mendapat rezeki yang banyak.

Kehidupan di dalam rumah juga ditentukan oleh pantang larang, seperti anak-anak gadis tidak boleh duduk dan makan di atas tangga, dikatakan sukar mendapat suami. Anak gadis juga tidak boleh bernyanyi di dapur, dipercayai akan mendapat suami tua.

Selain itu, adat istiadat juga mempengaruhi aspek senibina Melayu tradisional, bermula daripada proses pemilihan tapak, memilih hari, mencari dan meramu kayu, mendirikan bangunan dan tata atur ruang. Walau bagaimanapun, di sebalik peraturan-peraturan ini terdapat nilai-nilai yang bersifat mengajar dan falsafah hidup sekiranya diteliti secara rasional.

Antara bangunan tradisional, rumah paling banyak melibatkan adat dan pantang larang yang mesti diikuti. Masyarakat Melayu amat menitikberat dan memberi perhatian serius, apabila melaksanakan sesuatu pekerjaan, termasuk dalam hal memilih tapak rumah dan mendirikan rumah. Mereka percaya bahawa setiap tempat ada penghuni dan semangat. Jadi, untuk menggunakan sesuatu tapak, penghuni dan semangatnya hendaklah dibersihkan dahulu supaya bangunan yang dibina akan selamat dan penghuninya tidak diganggu.

2.7.1 Memilih Tapak

Masyarakat Melayu tradisional mempercayai sekiranya salah memilih tapak, bangunan yang dibina akan memudaratkan tuannya. Oleh itu, mereka berhati-hati dan prihatin dalam memilih tapak. Kenyataan ini diperkuatkan lagi oleh seorang penyelidik iaitu Lim Jee Yuan,

"The siting of the house in Malay society is very important, for the Malays believe that the spirit of the site must be appeased in order that the house will be peaceful and that the well-being of the occupants will be taken care of"³⁶

36) Lim Jee Yuan, 1987, *The Malay House, Rediscovering Malaysia's Indigenous Shelter System* Pulau Pinang, Institut Masyarakat, hal.-96.

Untuk tujuan di atas, mereka yang berkebolehan dalam bidang ini dipanggil untuk menentukan tapak yang sesuai. Kebiasaannya pawang atau bomoh adalah orang yang arif dalam hal-hal makhluk halus sebagaimana penjelasan Raja Bahrin,

"Often the Bomoh's consulted in choosing the site and some of them have a 'supernatural power' knowledge called "Ilmu Sekena Jiwa" to pick the location"³⁷

Pemilihan tapak sesebuah bangunan adalah penting kerana dipercayai akan menentukan kehidupan, baik dan buruk yang boleh mempengaruhi kesihatan penghuninya.

Ada dua cara yang dilakukan oleh orang-orang Melayu di Terengganu untuk memilih tapak rumah. Pertama, pemilik atau individu yang hendak membina rumah memilih tapaknya sendiri dan kemudian meminta pendapat pawang atau bomoh tentang kesesuaianya.

"Memilih tapak rumah adalah hak tuan yang bakal punya rumah, tetapi ia terikat kepada beberapa syarat tertentu seperti hak milik tanah, keadaan muka tanah, aturan adat, kepercayaan mistik dan juga pantang larang yang ditentukan oleh pawang atau bomoh yang mahir dan berpengalaman".³⁸

Kedua, individu yang hendak membina rumah terus berjumpa dengan bomoh dan meminta bomoh memilih tempat yang sesuai. Baik dan buruknya kedudukan sesuatu tapak rumah ditentukan oleh bomoh sebagai kata pemutus.

37) Raja Bahrin Shah Bin Raja Ahmad Shah, 1988, *The Terengganu Timber Malay House*, Kuala Lumpur, Badan Warisan Malaysia, hal- 39.

38) Abdul Halim Nasir, 1985, *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur, Darulfikir, hal- 74.

Dalam menentukan tapak bangunan, alam persekitaran dan kedudukan tanah diutamakan. Pertama, bakal pemilik bangunan mestilah memerhatikan bahawa tapak yang dipilih tidak jauh dari kelompok perkampungan, supaya tidak terpisah dari anggota-anggota kelompok kerana kehidupan mereka saling bergantung antara satu sama lain. Kedua, tapak yang dipilih hendaklah tidak jauh dari tempat mencari rezeki, kemudahan air, pengangkutan dan perkhidmatan lain.

Kepercayaan warisan dalam memilih tapak rumah menjadi pegangan masyarakat Melayu masa dahulu dan masih lagi diamalkan oleh sesetengah orang Melayu di pendalaman. Faktor yang selalu diambil kira ialah amalan dan kepercayaan masyarakat berhubung dengan semangat yang menentukan tapak sama ada jenis keras atau lembut. Tapak yang keras dipercayai boleh membawa kecelakaan kepada isi rumah sebaliknya tapak yang lembut adalah baik.

Tapak Yang Sesuai

Berdasarkan temubual dengan Hamzah Bin Daud, seorang pawang di Kampung Bukit Terua, Kemaman, tempat-tempat yang sesuai untuk membina rumah boleh dibahagikan kepada tiga jenis.

- i) *Tanah Tapak Gajah:* Sifat-sifat tanah jenis ini ialah tanah tinggi di hulu dan condong ke hilir dimana apabila hujan turun airnya akan mengalir ke hilir. Kawasan begini dipercayai "sejuk"³⁹, iaitu sesuai pada pandangan mata. Sekiranya rumah dibina di atas tapak seperti ini, dapat mengelakkan bencana kepada penghuni dan dipercayai tuan rumah akan mendapat murah rezeki.
- ii) *Tapak Kubang Babi:* Tapak ini bersifat tanah rendah dan bentuknya seolah-olah sebuah mangkuk yang sederhana dalamnya. Keadaan tanahnya hampir sama dengan tapak gajah maka dipercayai sejuk dan tidak akan mendatangkan bencana kepada penghuni dan dipercayai tuan rumah akan mendapat murah rezeki.
- iii) *Tapak Empat Busut:* Keadaan tanah lapang dan di empat penjuru rumah terdapat empat busut jantan. Tempat ini dipercayai sangat sesuai kerana mempunyai kelebihan tertentu. Busut-busut jantan itu dipercayai dapat menakutkan penunggu, jadi ia bebas dari gangguan ghaib.

³⁹⁾ Istilah sejuk atau lembut memberi makna dan pengertian bahawa tapak itu baik dan sesuai untuk dibina bangunan. Sedangkan tapak yang panas atau keras, membawa makna buruk dan tidak sesuai didirikan bangunan.

- ii) Tanah berwarna putih berbau harum dan manis dipercayai paling baik, dipercayai penghuni akan menjadi orang alim atau soleh, ulamak terkenal, penghuni disegani masyarakat, terselamat bala bencana, murah rezeki dan ilmu jahat tidak dapat menembusi rumah.
- iii) Tanah bermacam-macam warna, rasanya pedas, kelat dan manis adalah baik, dipercayai penghuni beroleh ramai anak dan membina keluarga besar.
- iv) Tanah berwarna hijau, kuning dan merah dipercayai penghuni sentiasa sihat, tidak diganggu mimpi yang menakutkan dan memperolehi untung besar jika berniaga.
- v) Tanah berwarna hijau dan kuning, berbau manis dan pedas, dipercayai memberi rezeki berlipat ganda, penghuninya sentiasa beroleh keuntungan, dapat mengumpul harta dan berkekalan ke anak cucu.
- vi) Tapak lapang, persekitaran rata dan senang bercucuk tanam. Tapak ini dipercayai kurang ganguan makhluk halus kerana makhluk halus tidak suka tinggal di tempat seperti ini.
- vii) Tanah rendah di bahagian utara dan tinggi di bahagian selatan. Sesuai dan dipercayai penghuni tidak selalu diserang penyakit dan keluarga sentiasa bergembira.

- ix) Tanah rendah di sebelah matahari naik dan tinggi di sebelah matahari jatuh, sesuai dan dipercayai penghuni akan beroleh keuntungan.

Tapak Yang Tidak Sesuai

Dalam memilih tapak rumah, seseorang itu berkehendakkan tapak yang baik. Oleh itu, pedoman dan panduan hendaklah diikuti supaya tidak terkena tapak yang tidak sesuai. Antara tapak yang kurang atau tidak sesuai adalah seperti berikut:-

- i) *Tapak Penahan Petir Atau Halilintar:* Menurut kepercayaan kawasan yang selalu dipanah petir dan halilintar adalah kawasan kediaman jin dan syaitan. Oleh itu, kawasan ini dianggap keras dan tidak sesuai untuk tapak rumah dan boleh memudaratkan apabila dibuat rumah.
- ii) *Tapak Laluan Jin:* Tapak ini hanya boleh dikenali pawang dan bomoh. Kawasan ini dianggap berpuaka.
- iii) *Tanah paya dan berawa atau bergambut, air bertakung atau tanah lembah:* Dipercayai kawasan ini menjadi kediaman hantu syaitan. Kalau dibina rumah, penghuninya sentiasa sakit dan bangunan tidak kuat dan cepat rosak.

Hal ini juga diterangkan Raja Bahrin:

"They would avoid from building on the 'tanah lembah' because they believe it would bring bad fortunes to the household. This lowground area is where stangnant water collects and flow for, the higher bonggol area. it is believe that in this area of stangnant pool of water are where the devils bad spirits and diseases carrying germs congregate. A combination of some these factors could bring the inhabitants of the house sickness and sometimes even being prossesed by the bad spirits".⁴⁰

- iv) Kawasan berbusut, berongga, berlubang-lubang dan retak seribu tidak digalakkan membina rumah di atasnya. Kawasan ini dipercayai tempat kediaman makhluk halus. Sekiranya dibuat rumah di atas tapak ini, penghuninya akan diganggu mimpi yang menakutkan dan harta yang dikumpul akan musnah, dan penghuni sering mengalami sakit-sakit.
- v) Kawasan yang berbusut di tengah hendaklah dielakkan kerana dipercayai menjadi kediaman hantu dan sarang anai-anai. Jika dibuat rumah, bangunan itu tidak akan tahan lama kerana dimakan anai-anai.
- vi) Tapak perigi buta, tidak sesuai untuk dijadikan tapak rumah kerana menjadi tempat membuang kotoran, termasuklah tempat membuang ancak. Tapak seperti ini sentiasa diganggu makhluk halus.

40) Raja Bahrin Shah, *Opcit*, hal-39

- vii) Tanah rendah di sebelah selatan dan tinggi di sebelah utara dipercayai tidak sesuai dan penghuninya akan menghadapi kesusahan, tidak dapat menjaga harta, mungkin akan menjadi papa hingga ke anak cucu.
- viii) Tanah tinggi di sebelah matahari naik dikatakan tidak sesuai dijadikan tapak rumah dan dipercayai penghuninya beroleh kesusahan dan sering berlaku kematian dalam rumah.
- ix) Tanah bekas rumah terbakar atau penghuni meninggal kerana penyakit, tidak sesuai dibuat bangunan kerana dipercayai mendatangkan bencana kepada penghuni.
- x) Tapak bekas orang mati berdarah sama ada dibaham binatang buas atau pembunuhan. Tapak seperti ini dianggap panas dan dipercayai boleh membawa bencana kepada penghuni.
- xi) Dilarang membina rumah di kawasan tanah tinggi dan di lereng bukit, dipercayai milik orang halus, susah mendapat air, sulit perjalanan, sering berlaku tanah runtuh dan bahaya tiupan angin ribut.
- xii) Kawasan yang mempunyai tunggul-tunggul kayu yang besar tidak sesuai dijadikan tapak rumah kerana kawasan ini selalu digunakan sebagai tempat pemujaan dan menjamu hantu syaitan di samping menjadi tempat tinggal hantu syaitan. Kenyataan ini dapat dilihat dalam jampi serapah bomoh semasa membuka tapak bangunan.

Ini jelas dinyatakan dalam jampi serapah bomoh.

"Aku panggil sekalian jin angkatan yang duduk pada jitung yang rapuh, jerai yang rendang, tunggul-tunggul dan pusu-pusu yang berkeramat".⁴¹

- xiii) Tanah yang berwarna hitam pekat,bau busuk dan hanyir tidak sesuai sebagai tapak rumah,diperdayai penghuni akan ditimpa kecelakaan.

Secara keseluruhannya, pantang larang ini kalau diperhatikan secara mendalam ada logiknya tetapi tidak dijelaskan sebab musababnya.

Peralatan Dan Upacara Di Tapak

Sebelum pawang atau bomoh memilih sesuatu tapak beberapa peralatan dan makanan perlu disediakan terlebih dahulu. Peralatan dan makanan ini berbeza-beza di kalangan bomoh atau pawang. Antara peralatan yang biasa digunakan ialah baldi, seutas rotan, kemenyan dan gambir. Antara makanan yang disediakan ialah dadar, bertih, kemenyan, sireh, kapur dan gambir.

41) Keterangan ini telah diberikan oleh Nik Abd. Rahman Bin Haji Nik Dir pada tahun 1985.

Setelah pawang atau bomoh menentukan hari yang baik untuk upacara membuka tapak rumah, peralatan itu dibawa ke tapak. Pawang akan memulakan upacara menjampi dan menyemah tapak. Setelah selesai upacara, sebatang ranting kayu ditanam di atas tanah tersebut. Mengikut kepercayaan, jika tanah telah selesai dibuka oleh pawang, tapak itu adalah bebas dari gangguan penunggu. Setelah selesai upacara tersebut, tanah itu boleh dibersihkan pada bila-bila masa.

Dalam usaha menentukan kesesuaian tapak rumah, ada juga orang-orang Melayu menjalankan upacara menguji tapak. Upacara ini dilakukan oleh tok imam ataupun pawang di tapak yang dipilih itu. Peralatan yang digunakan ialah sebuah baldi berisi air, sebatang kayu, seutas rotan, sireh, kemenyan dan gambir. Bomoh akan membakar kemenyan kemudian kawasan tapak diasapkan. Upacara ini dijalankan pada awal malam dengan pertolongan ibu rumah, iaitu isteri kepada tuan rumah.

Ibu rumah akan mengambil sebatang kayu dan rotan untuk mengukur dengan menggunakan depa, kemudian ditanda. Kemudian rotan diikat pada kayu yang telah diukur oleh bomoh itu. Selepas itu bomoh akan membaca jampi serapah dan memasang kemenyan.

Selesai membaca jampi serapah, bomoh akan mencacak kayu yang telah diikat ke atas tapak. Kemudian beliau mengambil baldi yang berisi air yang penuh dan diletakkan pinggan di bawahnya lalu diletakkan di sebelah kayu yang ditanam. Pawang dan ibu rumah akan berdoa. Selesai doa, barang-barang itu ditinggalkan di situ.

Keesokan paginya, ibu rumah akan ke tapak itu lalu membuat pengukuran kembali rotan dan kayu serta melihat air di dalam baldi sama ada melimpah atau berkurangan. Sekiranya kayu dan rotan bertambah panjang, menandakan tapak itu baik. Begitu juga dengan air dalam baldi, sekiranya penuh menunjukkan tapak itu sesuai dan sekiranya air berkurangan dipercayai tapak itu tidak sesuai. Setelah selesai dibuat tiga ujian itu jika didapati dua ujian menunjukkan baik, maka tapak itu akan dipilih. Setelah didapati sesuai, tapak yang dipacak kayu tadi akan dibangunkan tiang seri untuk bangunan yang akan dibangunkan kelak.

Cara lain bagi menguji tapak rumah ialah dengan cara bomoh meletakkan tempurung kelapa yang mengandungi air di tengah-tengah kawasan tapak rumah yang telah dipancang dengan kayu sempadan. Tempurung itu diletakkan pada waktu senja dan ditutup dengan daun keladi.

Pawang akan datang pagi esoknya untuk melihat tempurung tersebut. Sekiranya didapati air tidak berubah warna, ini menunjukkan tapak itu tidak sesuai didirikan rumah.

Orang Melayu juga menguji tapak rumah dengan meletakkan botol yang berisi separuh air di tengah-tengah kawasan tapak rumah. Botol ini diletakkan waktu senja dan akan dilihat pada pagi esoknya. Jika didapati air dalam botol itu bertambah ini bermakna tapak rumah itu memang baik dan sesuai.

2.7.2 Pemilihan Kayu

Apabila seseorang itu ingin membina rumah, bahan-bahan binaan perlu dicari terlebih dahulu. Kebiasaannya kerja-kerja mencari dan memilih kayu dilakukan oleh orang-orang yang ahli di dalam bidang itu, seperti tukang rumah.

Pekerjaan mencari kayu untuk membina rumah ini dikenali dengan nama 'meramu'. Kebiasaannya tukang-tukang kayu membawa beberapa orang pembantu untuk memilih, menebang, menggergaji dan membawa kayu keluar daripada hutan.

Terdapat banyak risiko yang dihadapi peramu kayu di hutan, seperti binatang buas, ular dan juga makhluk-makhluk halus. Oleh itu, mereka yang tahu selok belok hutan sahaja yang melakukan kerja ini. Pencari kayu perlu mempunyai sedikit "ilmu" tentang jenis kayu dan kuasa-kuasa halus dan mesti tahu pantang larang sewaktu melakukan kerja-kerja ini. Oleh itu dalam sesuatu kumpulan pencari kayu terdapat seorang bomoh atau pawang dan seorang ahli yang mahir tentang jenis kayu.

Memandangkan jangkamasa yang diambil untuk meramu kayu adalah panjang, kumpulan peramu biasanya membawa bekalan yang mencukupi. Kadangkala berbulan-bulan mereka berada dalam hutan.

Kumpulan yang masuk ke hutan meramu kayu selalu berpegang kepada pantang larang yang diwarisi daripada orang-orang tua. Menurut salah seorang tukang rumah yang juga pencari kayu di hutan yang ditemubual memberitahu beliau dipesan oleh ayahnya kalau hendak masuk hutan mestilah membaca ayat "penjauh" (ayat Seribu Dinar).

وَمَنْ يَتَقَبَّلُهُ لَهُ مُخْرِجٌ وَّيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلُ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسِيبٌ إِنَّ اللَّهَ بِالْعَالَمِينَ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

Tujuan ayat ini ialah untuk menjauhi diri daripada musuh, sama ada yang nampak maupun yang tidak nampak.

Menurut Khalid Abdullah, sekiranya bertemu dengan tapak binatang buas, tapak itu hendaklah ditutup dengan sejenis daun iaitu daun sepulih. Selain itu, terdapat pantang larang dan panduan menebang dan memilih pokok.⁴²

2.7.3 Kepercayaan, Pantang Larang dan Panduan Meramu Kayu

Setengah-setengah peramu kayu, mencari kayu di hutan pada waktu bulan gelap atau bulan kecil kerana dipercayai pada waktu ini makhluk halus tidak banyak berkeliaran dan daya tahan kayu adalah tinggi. Kayu tidak akan ditebang pada waktu bulan purnama, kerana dipercayai akan cepat reput serta cepat dimakan anai-anai. Menurut Khalid bin Abdullah, masa yang paling baik untuk meramu ialah pada waktu subuh kerana dipercayai keselamatan adalah terjamin dan beroleh keuntungan. Pada waktu subuh suasana telah semakin cerah, jadi peramu telah dapat melihat binatang buas walaupun dalam samar-samar.

42) Kenyataan ini diberikan oleh Khalid Abdullah, seorang tukang rumah dan juga peramu kayu.

Semasa memilih kayu yang hendak ditebang, penebang mestilah berhati-hati supaya tidak menebang pokok yang tidak sesuai menurut kepercayaan. Pokok-pokok yang dielak daripada ditebang adalah seperti berikut:

- i. Pokok kayu yang batangnya dililit oleh akar, dipercayai akan berlaku hal yang tidak baik kepada penghuni, dan rumah yang dibina nanti dikatakan selalu dinaiki ular.
- ii. Kayu yang ditebang, tetapi tidak terus tumbang ke bumi sebab tersangkut pada pokok lain tidak akan diambil untuk membina rumah. Dipercayai kalau diambil, penebang terpaksa memusnahkan pokok lain dan dipercayai boleh membawa bahaya maut kepada pemilik rumah.
- iii. Kayu yang dikorek kumbang atau berlubang di tengah-tengah batang tidak akan digunakan untuk membina rumah kerana kayu ini tidak tahan lama dan mudah patah, dan dipercayai akan mendatangkan penyakit kepada penghuni rumah.
- iv. Pokok yang sedang berbunga, berbuah dan berpucuk muda tidak akan ditebang. dipercayai pemilik rumah susah memperolehi rezeki. Alasannya buah-buahan merupakan punca makanan atau rezeki sama ada kepada manusia mahupun binatang. Penebangan pokok ini bererti menghilangkan rezeki.

- Tukang-tukang kayu juga berpendapat pokok yang sedang berpupek muda dan berbunga tidak boleh dibuat rumah kerana keadaan kayu ini lembut dan cepat dimakan bubuk (sejenis serangga musuh kayu).
- v. Tukang dan penebang kayu tidak akan memilih kayu jenis tunggal⁴³ kerana dipercayai sekiranya dibina rumah, penghuninya selalu disingkir oleh masyarakat.
- vi. Penebang kayu tidak akan memilih kayu yang telah ditebang tetapi tidak putus. Kayu jenis ini dikenali dengan nama 'Kayu Janda'. Masyarakat Melayu percaya sekiranya kayu ini digunakan membuat rumah, penghuni rumah akan mengalami kemalangan, cepat meninggalkan rumah dan mudah berlaku cerai-berai dalam keluarga.
- vii. Kayu lain yang tidak dipilih oleh penebang ialah pokok yang akarnya menjalar sampai ke air. Kayu jenis ini dipercayai akan mendatangkan sial kepada penghuni.
- viii. Pokok yang ditebang tetapi tumbangnya melintang matahari juga tidak diambil. Oleh itu, sebelum menebang pokok, arah tumbang atau terbalik pokok itu diteliti dahulu.

43) Hanya sebatang sahaja yang ada di kawasan itu bagi mengelakkan kayu itu puput atau kayu itu tidak berkembang (hidup sendiri) tiada kawan atau keluarga.

Satu lagi cara ialah dengan melihat pada batang kayu, sekiranya banyak 'pator' (lubang-lubang halus) yang menandakan kayu itu cukup tua. Kebiasaannya terdapat pada kayu jenis Cengal.

Bagi masyarakat Jawa, sebatang pokok yang dipilih akan dimatikan dahulu dengan cara membuang kulit sekeliling batang kira-kira 0.5m. Bila pokok sudah mati dan batang telah kering barulah pokok itu ditebang. Pengeringan kayu cara ini dapat mengelakkan kayu berkenaan daripada bengkok.

Cara pemilihan dan jenis kayu yang dipilih untuk membuat rumah terdapat dalam ungkapan orang Melayu. Contohnya seperti berikut:

Kalau kayu dililit akar;
Tumbangnya tak jejak tanah;
Ditebang menyangkut beliung;
Dibawa pulang diikat susah.

Kalau kayu digerek kumbang;
dilintangkan ia patah;
ditegakkan ia rebah.

Kalau kayu berlubang panjang;
Empulurnya membawa miang;
Tatalnya melenting mata;
Patut dibuat kayu api.

Kalau kayu berbunga lebat;
Buahnya mengujung dahan;
Pucuknya menjarum-jarum;

Kalau panas ia pecah;
Kalau hujan ia lapuk;
Terasnya tidak berurat;
Empulur menggenang getah.

Batang kayu berpiuh pilin;
Di hutan menyundak dahan;
Di rumah menyudak atap;
Yang lurus membengkokkan;
Yang tegak merebahkan.

Kayu tunggal penunggu rimba;
Kalau ditebang menghabiskan;
Kalau ditutuh mematikan.
kalau ada bekas beliung;
Tak boleh dikerat lagi;
Di situ letak silang sengketa;

Kayu rebah tak mencecah tanah;
Menyandar ke kayu lain;
Memutus ranting merentas dahan;
Matinya mati menggagang;
tergantung lapuk tertegak busuk.

Sebelah akar di tebing;
Sebelah akar di air;
Satu dipegang satu lepas;
Satu dapat satu menghilang.

Terpanggang kayu di tengah ladang;
Terasnya menjadi gubal;
Diketam tidak bertatal.⁴⁴

Setelah pokok dikenalpasti, penebang-penebang akan membuat pelantar atau jelapah melepassi banir pokok. Proses penebangan mengambil masa, bergantung kepada ukuran pokok dan bilangan penebang. Kedapatan penebang yang lebih berhati-hati, dia akan melihat di bahagian banir pokok terlebih dahulu sama ada terdapat sarang anai-anai atau tidak. Sekiranya ada, maka dialihnya dahulu sebelum mula menebang.

(44) Tenas Effendy, 1989, *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 141 & 142.

Pokok yang telah ditebang akan dipotong mengikut ukuran yang dikehendaki. Kayu itu akan diletakkan di atas 'betam'. (Sejenis peralatan yang diletakkan di atas belakang kerbau) dan ditarik ke sungai. Untuk memudahkan pengangkutan, penebang akan mencari pokok yang berhampiran dengan sungai.

Sampai di sungai balak itu akan diikat menjadi rakit dengan meletakkan buluh di atasnya supaya timbul dan senang dibawa ke hilir melalui sungai. Kebiasaannya kayu-kayu itu dibelah terlebih dahulu dengan menggunakan gergaji besar yang ditarik oleh dua orang. Gergaji ini dikenali dengan nama 'gergaji berhalang'.

Kayu-kayu yang telah dipotong mengikut ukuran akan direndam beberapa bulan di dalam sungai atau paya supaya kayu itu lebih tahan dan tidak mudah dimakan bubuk ataupun makhluk perosak. Kayu-kayu yang telah direndam akan dikeringkan secara perlahan, biasanya dijemur di bawah pokok. Tujuannya ialah untuk mengelakkan kayu itu merekah. Kayu-kayu yang hendak dibuat rumah biasanya dikeringkan dengan baik dan penyimpanan dilarang sama sekali melintang matahari. Tukang-tukang Melayu percaya kalau disimpan melintang matahari rumah yang dibina dipercayai lambat siap.

2.7.4 Tiang Seri

Tiang seri merupakan tiang yang paling penting pada sesebuah rumah dan dianggap sebagai penegak rumah. 'Tegak rumah dek tiang seri'. Mengikut Lim Jee Yuan,

'The Tiang Seri is the main column of the house on which the whole construction of the house hinge. It is believed that the Semangat Rumah lives in this column'.⁴⁵

Orang Melayu percaya bahawa setiap benda mempunyai semangat. Begitu juga dengan rumah sekiranya tiada semangat, rumah tidak akan berseri, terpencil dan kehidupan penghuninya tidak riang. Memandangkan tiang seri merupakan tiang yang paling penting dalam pembinaan sesebuah rumah, jadi untuk mendirikan atau menentukan letak tiang seri terdapat beberapa upacara dan adat.

Untuk menentukan tempat letak tiang seri, upacara diadakan di tapak binaan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan merenjis kawasannya dengan tepung tawar, beras kunyit dan bertih. Kerja-kerja ini dilakukan oleh seorang yang alim, kemudian sebatang kayu dipacak di tengah-tengah kawasan dan dibaca ayat-ayat suci Al-Quran.

⁴⁵⁾ Lim Jee Yuan. *Opcit*, hal-99.

Selepas itu, dua batang lilin dipasang di kawasan kayu yang dipancang dan sebaldi air diletakkan di sebelah kayu berhampiran lilin dan ditutupi dengan daun pisang. Jika didapati sesuai, kayu pancang dicabut dan kawasan itu ditanda untuk diletakkan tiang seri.

Kebiasaannya upacara itu dilakukan pada hari Ahad atau Rabu. Upacara ini diikuti dengan makan pagi, iaitu pulut kuning atau nasi kunyit. Tapak yang akan didirikan tiang seri direnjis air tawar dengan menggunakan beberapa jenis daun dan rumput seperti daun gandarusa, daun pepanggih, daun menjuang dan rumput kula samba.

Kayu yang telah dipilih untuk dijadikan tiang seri kemudiannya ditebuk, tetapi sebelum ditebuk tukang akan memberi salam dan selawat kepada Rasullullah s.a.w. terlebih dahulu. Semasa menebuk tiang seri ada pantang larangnya, iaitu kerja-kerja menebuk itu tidak boleh dilindungi bayang. Dipercayai sekiranya semasa menebuk lubang dilindungi bayang, penghuni rumah akan ditimpa sakit. Memandangkan tiang seri adalah penting kepada sesebuah rumah, selalunya tiang ini dihiasi sedikit agar berbeza dari tiang-tiang yang lain. Sebelum tiang seri didirikan, sesetengah komuniti Melayu di Terengganu memasukkan beberapa bahan ke dalam tiang, seperti tahi besi, bijih, paku dan ada juga yang memasukkan rempah dan belacan.

Terdapat juga sesetengah masyarakat di Terengganu (golongan berada) meletakkan duit perak dan duit emas di antara pelapik atau alas dengan tiang seri. Logam dan duit diletakkan di bawah pelapik yang dipercayai dapat memastikan bangunan dan penghuni selamat. Sekiranya tidak diletakkan, dipercayai penghuni menghadapi kesukaran untuk mendapatkan wang dan menyimpannya. Duit emas pula dipercayai sebagai pemberian kepada semangat rumah.

Penetapan hari yang baik dilakukan untuk upacara mendirikan tiang seri. Upacara tersebut dikenali sebagai "rejang" dan sangat tidak baik dilaksanakan pada bulan Safar kerana mendatangkan mara bahaya. Rejang ialah hari-hari mengikut bulan Islam.

Rejang berhubungan dengan upacara tersebut di atas adalah sebagai berikut⁴⁶:

1 haribulan - *Rejang Kuda*: Semua pekerjaan amat baik dilakukan kerana pada tanggal tersebut Allah menciptakan nabi Adam.

2 haribulan - *Rejang Kijang*: Setiap pekerjaan mendatangkan kebaikan kerana tanggal tersebut Allah menciptakan Hawa. Sekiranya seorang ibu melahirkan anaknya akan menjadi baik.

⁴⁶⁾ Keterangan ini diperolehi daripada Nik Abd. Rahman Nik Dir, seorang Bomoh DiRaja Kelantan pada tahun 1985.

3 haribulan - *Rejang harimau*: Semua pekerjaan tidak baik dikerjakan kerana banyak masalah yang datang.

4 haribulan - *Rejang Kucing*: Juga tidak baik melakukan semua pekerjaan kerana tanggal tersebut Allah menciptakan iblis.

5 haribulan - *Rejang Sipai*: Semua pekerjaan yang dilakukan mendatangkan kebaikan.

6 haribulan - *Rejang Kerbau*: Pekerjaan yang dilakukan memperolehi rezeki berlipat ganda.

Kemudian terdapat beberapa rejang yang baik untuk melakukan semua pekerjaan, iaitu:

10 haribulan - Rejang naga

12 haribulan - Rejang mayang

13 haribulan - Rejang tok

14 haribulan - Rejang sungai

15 haribulan - Rejang ikan

Manakala hari-hari berikut ini adalah baik untuk didirikan rumah dan "menyambung" bangunan, bersesuaian dengan masanya:

1. Hari Ahad : Waktunya antara jam 9.00 jam 10.00 pagi.
2. Hari Senin : Ketika naiknya matahari, waktunya antara Asar dan batas akhir waktu Asar.
3. Hari Selasa: Waktunya naik matahari, siang dan Asar.

3 haribulan - *Rejang harimau*: Semua pekerjaan tidak baik dikerjakan kerana banyak masalah yang datang.

4 haribulan - *Rejang Kucing*: Juga tidak baik melakukan semua pekerjaan kerana tanggal tersebut Allah menciptakan iblis.

5 haribulan - *Rejang Sipai*: Semua pekerjaan yang dilakukan mendatangkan kebaikan.

6 haribulan - *Rejang Kerbau*: Pekerjaan yang dilakukan memperolehi rezeki berlipat ganda.

Kemudian terdapat beberapa rejang yang baik untuk melakukan semua pekerjaan, iaitu:

10 haribulan - Rejang naga

12 haribulan - Rejang mayang

13 haribulan - Rejang tok

14 haribulan - Rejang sungai

15 haribulan - Rejang ikan

Manakala hari-hari berikut ini adalah baik untuk didirikan rumah dan "menyambung" bangunan, bersesuaian dengan masanya:

1. Hari Ahad : Waktunya antara jam 9.00 jam 10.00 pagi.
2. Hari Senin : Ketika naiknya matahari, waktunya antara Asar dan batas akhir waktu Asar.
3. Hari Selasa: Waktunya naik matahari, siang dan Asar.

4. Hari Rabu : Waktunya hampir siang, Zohor dan naiknya matahari.

5. Hari Khamis: Waktu Subuh dan tengah malam.

7. Hari Sabtu : Ketika terbitnya matahari dan Maghrib.

Setelah ditetapkan hari dan waktu yang baik, maka upacara sembahyang hajat dilakukan untuk memperolehi berkat dan menghindari marabahaya. Kemudian diadakan majlis kenduri, diiringi dengan doa selamat dan sebahagian makanan disisihkan untuk jin tanah agar tidak mengganggu.

Di samping itu, dipersiapkan bahan untuk upacara mengusir dan membunuh syaitan. Antara lain, satu tempurung tahi besi, budu, dan belacan usang⁴⁷. Bahan-bahan tersebut diaduk dan dimasukkan ke dalam tanah, tempat yang akan didirikan tiang seri. Kemudian disiram dengan air kelapa dan cuka. Setelah itu tempurung betina diisi dengan "tanah kesucian" dan dimasukkan ke lubang yang tersedia. Setelah selesai upacara tersebut, maka didirikan tiang seri dengan memasukkan ke dalam lubang yang terdapat tempurung betina tersebut.


47) Dipercayai bahan busuk dapat menghindarkan syaitan.

Semasa upacara menanam atau meletak tiang seri, doa dibacakan oleh orang alim dan sesetengah tempat diperasap kemenyan. Kebiasaannya, di atas tiang seri diletakkan tiga keping kain berwarna iaitu hitam, merah dan putih. Begitu juga dengan tiang-tiang lain diletakkan kain yang sama. Kain-kain itu dianggap sebagai azimat atau tangkai untuk mengelakkan gangguan makhluk halus, seperti syaitan dan hantu. Kain-kain itu juga sebagai simbol kehormatan adat. Pada bahagian atasnya beralaskan kain dengan berbagai-bagai warna, masing-masing mempunyai makna simbolis seperti berikut:


1. Warna Putih - melambangkan kesucian lahir dan batin.
2. Warna Merah - melambangkan semangat perjuangan yang tinggi.
3. Warna Hitam - sebagai penangkal atau penolak bala.

Sesetengah orang menulis huruf X pada kain putih yang diletakkan pada tiang seri. Terdapat juga sebilangan tuan rumah yang melukis di atas kain putih itu rajah barisan laksamana dengan huruf Arab yang dikenali sebagai 'wufik', berfungsi sebagai azimat keselamatan pada penghuninya (Rajah X dan Y).

Rajah 7: Bentuk-Bentuk Rajah pada Kain Alas Tiang



Barisan Laksamana Pada Kain
Alas Tiang



Tulisan Wufik Pada Kain Alas Tiang

Biasanya azimat tersebut ditulis pada hari dan bulan yang baik, misalnya pada malam Jumaat dalam bulan Ramadhan. Seseorang dukun dalam melaksanakan tugasnya harus berpuasa dan bersih lahir batin. Pada sesetengah tempat ada juga digantungkan sebiji kelapa pada tiang seri semasa mendirikannya.

Kebiasaan mendirikan tiang seri dilakukan oleh masyarakat setempat secara bergotong royong berlandaskan konsep "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dan ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni". Sebelum dibangunkan tiang seri, dua biji buah kelapa diikat kepada tiang seri dan tiga jenis daun rumput digunakan untuk merenjis air tawar ke tiang seri. Apabila tiang seri telah dipacak, ibu rumah akan dipanggil untuk memegangnya sebagai simbol rumah itu adalah miliknya dan menjadi tanggungjawabnya menjaga apabila siap nanti.

Apabila tiang seri telah berdiri, papan penyokong dipasang (di Terengganu disebut 'Topen') untuk mengelakkan tiang itu rebah ke bumi. Setelah selesai dipasang penyokong, buah kelapa diambil dan ditanam. Dalam jangkamasa sebulan jika didapati buah kelapa tumbuh ini menunjukkan petanda yang baik. Selain itu buah kelapa yang tumbuh ini juga sebagai tanda usia rumah tersebut.

2.7.5 Mendirikan Rumah

Setelah selesai memilih tapak, satu upacara membersih tapak diadakan. Tuan rumah dan keluarga menjemput sahabat handai yang rapat serta lebai, orang alim ataupun bomoh untuk menghadiri upacara di tapak. Terdapat juga amalan mengadakan jampi serapah dan bacaannya ialah seperti berikut:

"Hai segala jembalang tanah dan penunggu tanah yang diam di empat penjuru alam, dengar olehmu, bahawa aku memohon tanah ini untuk mendirikan rumah. Nyah engkau dari sini, carilah tempat lain untuk kamu diam. Jikalau baik tunjukkanlah baik dan jikalau jahat tunjukkanlah jahat"⁴⁸

Sebelum upacara itu, imam membaca doa. Selesai bacaan doa, diadakan pula kenduri nasi kunyit (pulut kuning), ayam panggang, bertih dan air. Selepas itu lebai akan menandakan sempadan tapak rumah. Selesai upacara barulah kawasan itu dibersih dan diratakan tanahnya dan kerja ini dikenali dengan nama 'meletak kerja' yang biasanya dilakukan oleh tuan rumah. Setelah semua bahan rangka rumah telah sedia, satu lagi upacara diadakan, iaitu upacara mendirikan rumah.

48) Halim Nasir. *Opcit*, hal. 90.

Tuan rumah akan menjemput orang-orang kampung dan tok imam (orang alim). Tok imam akan membaca doa selamat dan tiang seri dibangunkan. Selesai sahaja tiang seri dibangunkan, diikuti pula dengan mendirikan tiang-tiang dan komponen lain sehingga rumah itu siap. Jangkamasa untuk menyiapkan sesebuah rumah bergantung kepada kedudukan kewangan seseorang.

'A whole horse (kuda) was sacrificed at a time chosen by the village ' medicineman' (kampung bomoh). Half the horse was buried at the site, while the remaining half was cooked for a feast. Yellow-coloured rice (tepung tawar) was sprinkled over the site cleared for the house to appease the spirits and to bless the site. The main post was then erected after the bomoh chanted his prayers'.⁴⁹

49) Edric Ong Liang Bin, 1983, *Malay Houses Of Kuching, Sarawak, The Sarawak Museum Journal*, Vol. XXXII August, Kuching, Muzium Sarawak, hal -102.

2.7.6 Menaiki Rumah

Setelah rumah siap dibina, tuan rumah tidak terus mendudukinya. Sebaliknya, tuan rumah akan menemui orang alim bagi menentukan hari yang baik untuk mengadakan upacara menaiki rumah baru.

Bergantung kepada kemampuan tuan rumah, kebiasaannya upacara ini lebih besar daripada kenduri mendirikan rumah. Orang alim dan orang-orang kampung akan mengadakan tahlil dan membaca doa selamat memohon kepada Ilahi supaya dijauhi dari segala bahaya dan penghuni rumah sentiasa berada dalam kesejahteraan dan beroleh keberkatan. Kebiasaannya, sebelum tahlil beberapa orang kampung yang diketuai oleh imam atau orang alim diminta untuk mengadakan sembahyang hajat.

Selain daripada itu, dalam proses menyiapkan sesebuah bangunan, terdapat berbagai kepercayaan dan amalan yang diikuti dan dipraktikkan. Kepercayaan dan amalan ini ada kaitan dengan proses meramu bahan di hutan, memilih tapak, mendirikan bangunan dan akhir sekali menaiki bangunan. Semenjak kedatangan Islam, beberapa amalan animisme tidak dipraktikkan lagi dan segala acara dihubungkaitkan dengan Islam yang memohon sesuatu hanyalah kepada Allah S.W.T.